



Ruj. Kami : ANM(G)NS.127 Jld.2 (55)

Tarikh : 13 Mei 2019

PENGARAH
SEMUA PUSAT PEMBAYAR GAJI
KERAJAAN PERSEKUTUAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

YBhg. Dato / Tuan,

**TARIKH KUNCI MASUK DAN LARIAN GAJI *DAILY RATED* BAGI GAJI
PEKERJA SAMBILAN HARIAN BULAN MEI 2019**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato'/tuan sedia maklum, Hari Raya Aidilfitri dijangka akan disambut pada 5hb dan 6hb Jun 2019. Sehubungan itu, bagi membolehkan Pekerja Sambilan Harian (PSH) menerima gaji sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri, tempoh kunci masuk dan larian gaji *daily rated* bagi bulan Mei 2019 akan diawalkan seperti berikut :

- i. Gaji bagi tempoh bekerja 2 Mei 2019 (1 Mei – Cuti Umum) hingga 24 Mei 2019 akan dibayar dalam gaji bulan Mei 2019. Jadual tarikh larian gaji bulan Mei 2019 adalah seperti berikut :

Tarikh Kunci Masuk	Tarikh Run Gaji	Tarikh Gaji
25.05.2019 – 27.05.2019	28.05.2019	30.05.2019

- ii. Gaji bagi tempoh bekerja 27 Mei 2019 hingga 31 Mei 2019 akan dibayar bersekali dalam gaji bulan Jun 2019. Jadual tarikh larian gaji bulan Jun 2019 adalah seperti berikut :

Tarikh Kunci Masuk	Tarikh Run Gaji	Tarikh Gaji
01.07.2019 – 02.07.2019	03.07.2019	05.07.2019

3. Bagi memastikan proses larian gaji berjalan dengan lancar, kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/tuan adalah dipohon untuk mematuhi tarikh-tarikh yang telah ditetapkan. Pihak YBhg. Dato' / tuan juga adalah dipohon untuk memastikan Waran Peruntukan bagi tujuan bayaran gaji PSH ini telah diperolehi daripada Kementerian / Ibu Pejabat. Sekiranya Waran Peruntukan masih belum diterima, kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/tuan adalah dipohon untuk menyediakan Waran Kosong (F0) di bawah kod objek 29000.

4. Hebahan-hebahan lain berkaitan pembayaran gaji juga boleh dirujuk di laman sesawang JANM Negeri Sembilan di URL <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-negeri-sembilan>. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas, pihak YBhg. Dato'/tuan bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut :

- | | | |
|-----|-----------------------------------|-------------|
| i. | Puan Noraini binti Mohd Yunos | 06-768 6897 |
| ii. | Puan Sareen Deo binti Mohd Imbran | 06-768 6871 |

5. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/tuan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'

Saya yang menjalankan amanah,



(NOOR AZURA BINTI MOHD AZHAR ACCA (UK), C.A.(M))

Unit Gaji

b.p: Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sembilan